

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 8 TAHUN 2021**

**PELANJUTAN TEMPOH PEMBAYARAN CUKAI TANAH BERIKUTAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN TAHUN 2021**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-11 Tahun 2021 yang bersidang pada 2hb Jun 2021 telah bersetuju meluluskan cadangan Pelanjutan Tempoh Pembayaran Cukai Tanah Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Tahun 2021.

2. Tempoh bayaran cukai tanah bagi Tahun 2021 yang sepatutnya berakhir pada 30 Jun 2021 dilanjutkan kepada 31 Disember 2021 dan denda lewat bayaran cukai tanah bagi Tahun 2021 juga tidak akan dikenakan.
3. Sebarang semakan dan pembayaran cukai tanah boleh dibuat di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Pejabat Tanah dan Jajahan seluruh Negeri Kelantan, Kaunter Perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri Kelantan, UTC Kelantan dan Portal Hasil Tanah Kelantan melalui capaian URL hasiltanah.kelantan.gov.my.
4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir – Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, (D.P.S.K. Kelantan), K.M.N
PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN

KEPADA :

YBhg. Dato' / Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN

FAIL : PTG.KN.16/4/45
BERTARIKH : 25 SYAWAL 1442H
06 JUN 2021